

Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkatkan?

(The Rising Cost of Living in Malaysia: A Slow Income Growth or Increasing Standard of Living)

Mohd Aqmin Abdul Wahab
Hazrul Izuan Shahiri
Mustazar Mansur
Mohd Azlan Shah Zaidi
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini melihat punca kepada peningkatan kos sara hidup dengan mengkaji dua faktor utama kepada kenaikan kos sara hidup, iaitu faktor pendapatan yang rendah serta peningkatan taraf hidup yang terlalu pantas. Dalam pendekatan pertama, analisis regresi siri masa telah dibuat dengan menggunakan data daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan bagi membandingkan perubahan pendapatan berbanding pertumbuhan kadar inflasi dari tahun ke tahun. Sementara itu, analisis keanjalan perbelanjaan isirumah berdasarkan perubahan pendapatan isirumah telah digunakan dalam pendekatan kedua untuk mengkaji corak perubahan taraf hidup isi rumah. Bagi mendapatkan keanjalan perbelanjaan-pendapatan, satu model regresi linear log-log beserta pembolehubah interaksi telah digunakan pada data tiga jenis perbelanjaan utama isirumah, iaitu makanan, pengangkutan dan perumahan. Keanjalan perbelanjaan-pendapatan isirumah juga telah diteliti mengikut strata pendapatan (B40, M40 dan T20) serta lokasi isirumah (bandar/luar bandar) untuk melihat perubahan keanjalan perbelanjaan-pendapatan terhadap pembolehubah tersebut. Hasil kajian ini mendapati pendapatan telah meningkat lebih pantas berbanding kadar inflasi dari tahun ke tahun. Selain itu, taraf kehidupan isirumah juga didapati meningkat dengan lebih pantas seperti yang dibuktikan melalui keanjalan perbelanjaan-pendapatan yang tinggi bagi sesetengah jenis barangan. Hal ini mencadangkan bahawa corak perbelanjaan dan gaya hidup menjadi punca yang dominan yang membawa kepada masalah kos sara hidup.

Kata kunci: Pendapatan; inflasi; keanjalan; perbelanjaan; taraf hidup

ABSTRACT

This paper looks at the causes of increasing cost of living by studying two (2) main factors; firstly, the slow growth in income as compared to inflation, and secondly the unproportional increase in standard of living as compared to income. For the first factor, a time series regression model was constructed using the data from Household Income Survey report (various years) to compare the fluctuation in income against the inflation rate year-on-year. For the second factor, we studied the expenditure elasticity of income for the household. A log-log linear regression model was developed taking into consideration the three (3) main groups of goods that household buys: Food, Transportation and Housing. We have studied the elasticities across income strata (B40, M40, T20) and location (Rural vs Urban) to observe the changes in elasticity with respect to those variables. The result of this study points that income growth has indeed surpasses inflation rate from year to year; however the standard of living is increasing at a comparatively fast rate, as evidenced by high expenditure elasticities for several types of goods for B40s and M40s. This suggests that the standard of living, or living styles are the dominant factor that contributes to the problems of increasing cost of living.

Keyword: Income; inflation; elasticity; expenditure; standard of living

PENDAHULUAN

Isu kenaikan kos sara hidup merupakan satu isu global yang dihadapi oleh banyak negara yang sedang membangun. Malahan, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun juga turut berhadapan dengan masalah kenaikan kos sara hidup rakyat mereka. Sebagai contoh, Amerika Syarikat menghadapi masalah perbezaan kuasa beli yang tinggi diantara bandar-

bandar. Walaupun bandar New York merupakan bandar yang mempunyai gaji pertengahan ke lapan tertinggi di Amerika Syarikat, harga barang mereka merupakan antara tertinggi di Amerika Syarikat. Ini telah menyebabkan bandar New York berada di kedudukan yang rendah dikalangan bandar-bandar Amerika Syarikat dalam tahap kuasa beli pada 2014. Keadaan yang sama juga telah meletakkan bandar Philadelphia pada kedudukan yang rendah dalam carta kuasa beli mengikut bandar



di Amerika Syarikat (Sen & Adam 2017). Senario ini secara tidak langsung, menjelaskan bahawa kenaikan harga barang yang jauh lebih besar mengatasi kenaikan gaji pekerja di kawasan terbabit.

Sementara itu, menurut Worldwide Cost of Living Survey 2017, Singapura merupakan bandar yang mempunyai kos sara hidup paling tinggi di dunia. Malahan, lima daripada sepuluh bandar yang mempunyai kos sara hidup tertinggi di dunia terletak di Asia. Harga rumah dan barang pengguna yang tinggi telah dikenalpasti sebagai punca kepada kos sara hidup yang tinggi di bandar-bandar ini. Isu kos sara hidup yang tinggi ini telah mewujudkan jurang ketidakseimbangan ekonomi yang tinggi di dalam masyarakat diantara golongan berpendapatan tinggi dan rendah.

Malaysia secara tidak langsung juga turut menghadapi masalah kos sara hidup yang tinggi. Kuala Lumpur secara amnya telah menduduki tempat ke 96 dalam bandar termahal di dunia menurut Worldwide Cost of Living Survey 2017. Isu kenaikan kos sara hidup di Malaysia merupakan isu berulang yang telah melanda negara sejak lama lagi. Masalah ini diburukkan lagi dengan kenaikan harga rumah yang mendadak dalam 10 tahun kebelakangan ini. Berdasarkan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, harga rumah di Malaysia telah meningkat sebanyak 9.1% sepanjang tempoh suku pertama 2010 hingga suku kedua 2012. Malahan, purata pertumbuhan untuk dua tahun ini telah jauh mengatasi kadar purata pertumbuhan tahunan untuk tempoh 2001 hingga 2009 sebanyak 3.2%.

Ini secara tidak langsung telah meningkatkan kos keperluan asas seperti tempat tinggal dan pengangkutan di Malaysia. Berdasarkan indeks harga pengguna (IHP) yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, harga barang dan perkhidmatan secara umumnya telah meningkat sebanyak 29 peratus secara umumnya dalam tempoh 10 tahun, antara 2005 dan 2015. Meskipun harga minyak dunia telah menunjukkan tren penurunan akhir-akhir ini, ketidakstabilan mata wang ringgit berbanding dollar telah mengecilkan kesan positif penurunan harga minyak.

Pergantungan kepada bahan mentah import yang tinggi untuk menghasilkan makanan telah menyebabkan kos pengeluaran makanan di Malaysia meningkat apabila nilai mata wang negara mengalami penyusutan. Tren peningkatan nilai tukaran Ringgit yang melebihi paras RM4 berbanding dolar Amerika Syarikat sejak Januari 2017 telah memaksa peniaga untuk menaikkan harga makanan bagi menampung kos pertukaran mata wang yang tinggi. Kajian dari Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM) mendapati RM0.11 dari setiap RM1 keluaran makanan yang diproses merupakan kos bahan mentah yang diimport. Sementara itu, bahan mentah yang diimport menyumbang sebanyak RM0.28 kepada setiap RM1 keluaran makanan yang tidak diproses seperti sayur dan buah-buahan.

Dalam usaha kerajaan Malaysia membawa negara menuju ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, isu kenaikan kos sara hidup ternyata menjadi antara cabaran yang besar. Menyedari perkara ini, kerajaan Malaysia telah meletakkan fokus menangani kos sara hidup sebagai salah satu bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11). Malah semenjak RMK10, pelbagai inisiatif dan bantuan kerajaan telah disediakan kepada isirumah untuk membantu menangani masalah kenaikan kos sara hidup. Secara umumnya, median pendapatan isirumah di Malaysia telah meningkat sebanyak 326% daripada tahun 1992 (RM 1,077) sehingga 2014 (RM 4,585). Purata pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR) bagi median pendapatan ini pula ialah sebanyak 6.81%. Nilai ini adalah lebih tinggi daripada nilai CAGR inflasi (diukur berdasarkan nilai Indeks Harga Pengguna (IHP)) yang hanya sekitar 2.65% bagi tempoh yang sama. Namun, isu kos sara hidup tetap menjadi tumpuan dan seringkali menjadi topik utama dalam membincangkan kesejahteraan hidup penduduk di Malaysia.

Kenaikan kos sara hidup ini memberikan impak yang berbeza-beza mengikut tingkat pendapatan isirumah. Kajian daripada Bank Negara Malaysia (2013) mendapati kumpulan isirumah berpendapatan rendah merupakan kumpulan paling terdedah kepada isu kos sara hidup¹. Mereka juga telah dikenalpasti sebagai golongan yang paling berisiko apabila berlaku sebarang krisis ekonomi. Kajian ini menjelaskan bahawa isirumah dengan pendapatan tinggi hanya berbelanja sebanyak RM0.25 sahaja daripada tambahan RM1 yang diperoleh. Manakala, isirumah yang pendapatan rendah berbelanja sebanyak RM0.80 daripada setiap tambahan RM1 yang diperoleh. Sementara itu, laporan daripada Unit Perancang Ekonomi (2015) juga turut membincangkan secara mendalam tentang isu kos sara hidup dalam RMK11. Menurut laporan ini, kumpulan isirumah B40 merupakan kumpulan paling berisiko dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup. Berdasarkan data tahun 2009 dan tahun 2014, kumpulan B40 berhadapan dengan peningkatan perbelanjaan sebanyak 10.1% setiap tahun. Justeru itu, pelan pemansuhan subsidi dalam pelbagai barangan pada masa hadapan akan memberikan kesan yang besar kepada golongan ini.

Laporan tahunan Bank Negara Malaysia (2015) menyatakan masalah kos sara hidup berkaitan dengan peningkatan inflasi dan corak perbelanjaan individu. Laporan ini mendapati pendapatan isirumah mengikut kumpulan pendapatan adalah sentiasa lebih tinggi daripada perbelanjaan bulanan mereka. Kumpulan B40 pula didapati mempunyai pendapatan yang hampir sama dengan jumlah perbelanjaan. Laporan UKM Pakarunding (2016) juga turut bersependapat dengan penemuan dalam Bank Negara Malaysia (2015). Laporan tersebut membuat kesimpulan bahawa peningkatan kos sara hidup adalah disebabkan oleh peningkatan ketara dalam harga barangan, pertumbuhan pendapatan

yang perlahan dan corak perbelanjaan isirumah yang melebihi pendapatan.

Kos sara hidup merujuk kepada belanjawan minimum untuk membeli sekumpulan barang dan perkhidmatan dalam mencapai tingkat taraf hidup tertentu (Tan 2016). Berdasarkan takrifan ini, isu peningkatan kos sara hidup boleh dikaitkan dengan dua perkara utama iaitu tingkat pendapatan dan taraf kehidupan seseorang individu. Pendapatan yang meningkat lebih perlahan daripada inflasi menyebabkan isirumah terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barang yang sama. Sementara itu, perubahan dalam corak perbelanjaan bagi memenuhi taraf kehidupan yang berubah turut memberi kesan kepada kenaikan kos sara hidup isirumah. Perubahan taraf hidup boleh berlaku akibat daripada perubahan status barang ekonomi isirumah daripada barang keperluan kepada barang kehendak. Sebagai contoh, taraf kehidupan yang semakin meningkat menyebabkan penggunaan telefon pintar dan internet menjadi suatu keperluan bagi isirumah. Ini sekaligus menjadikan jumlah perbelanjaan isirumah tersebut untuk tujuan komunikasi meningkat berbanding dengan sebelumnya, walaupun harga barangan tidak berubah.

Dengan mengawal kadar inflasi, peningkatan jumlah keseluruhan perbelanjaan boleh dikaitkan sama ada disebabkan peningkatan kuantiti barangan yang dibeli ataupun perubahan kualiti barangan. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 2014, kedua-dua laporan ini menyatakan tiga (3) komponen paling besar perbelanjaan isirumah adalah perbelanjaan bagi perumahan (23.9%), makanan (18.9%) dan pengangkutan (14.6%). Ketiga-tiga komponen ini adalah barangan asas, yang secara teorinya merupakan barangan yang mempunyai keanjalan permintaan yang rendah (lebih rendah daripada 1.0). Maka, secara teorinya, apabila berlaku peningkatan pendapatan, permintaan barangan ini akan berkurangan dari segi kuantiti atas faktor ketidak anjalan permintaan barangan asas ini. Maka, dengan andaian diatas, adalah disimpulkan bahawa keanjalan perbelanjaan untuk barangan asas seperti perumahan, makanan dan pengangkutan yang tinggi dapat dikaitkan dengan peningkatan kualiti barangan, yang seterusnya memberi indikasi berlakunya peningkatan taraf hidup.

Dalam membincangkan isu kos sara hidup, terdapat begitu banyak dakwaan yang mengatakan bahawa harga barangan yang terlalu tinggi menyebabkan isirumah tersepit dengan peningkatan kos sara hidup. Kajian ini akan meneliti dakwaan tersebut dan melihat sama ada ianya konsisten dengan data yang dikumpul. Sekiranya pendapatan meningkat dengan lebih pesat berbanding harga barangan, barangkali faktor yang lebih dominan menyumbang kepada tekanan kos sara hidup adalah faktor peningkatan taraf kehidupan melalui perubahan corak perbelanjaan sesebuah isirumah. Terdapat kemungkinan taraf hidup isirumah telah meningkat dengan lebih cepat berbanding peningkatan pendapatan mereka. Implikasinya, pendapatan isirumah yang sedia

ada tidak mampu untuk memenuhi corak perbelanjaan isirumah yang telah berubah.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada perubahan pendapatan mengatasi perubahan tingkat harga umum dan menganalisis kesan peningkatan pendapatan terhadap corak perbelanjaan. Kajian mengenai peningkatan pendapatan yang perlahan akan memanfaatkan data siri masa daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Dalam hal ini, satu regresi tren masa dibuat bagi membandingkan perubahan dengan perubahan kadar inflasi. Sekiranya kadar inflasi melebihi kadar peningkatan pendapatan tahun ke tahun, maka kenaikan harga barang adalah antara faktor dominan kepada isu peningkatan kos sara hidup.

Kajian mengenai kesan peningkatan pendapatan terhadap corak perbelanjaan pula dibuat dengan menganalisis tahap keanjalan perbelanjaan-pendapatan isirumah. Analisis keanjalan perbelanjaan ini akan memberikan gambaran sejauh mana sesuatu barang itu menjadi komponen penting serta tahap keperluan isirumah berdasarkan pendapatan yang dimiliki. Justeru itu, kajian ini akan meneliti kesan peningkatan pendapatan terhadap perbelanjaan bagi isirumah mengikut strata pendapatan B40, M40 dan T20 di bandar dan juga luar bandar. Peningkatan pendapatan adalah antara faktor utama kepada peningkatan taraf kehidupan (James Petras 2007), maka kita akan dapat melihat hubungan langsung antara taraf kehidupan, pendapatan dan perbelanjaan. Sekiranya perbelanjaan meningkat lebih pantas berbanding pendapatan, perkara ini memberi satu indikasi bahawa taraf kehidupan isirumah telah meningkat, lantas menyebabkan perbelanjaan mereka menjadi tinggi, dan bukan semata-mata kerana peningkatan harga barangan.

Terdapat tiga sumbangan penting kajian ini kepada literatur. Pertama, kajian ini telah mengambilkira kedua-dua faktor permintaan (perbelanjaan isirumah) dan faktor penawaran (pendapatan isirumah) dalam mencari punca tekanan kenaikan kos sara hidup. Keduanya, kajian ini telah mengaplikasikan teori keanjalan untuk menganalisis perubahan gaya hidup isirumah mengikut strata pendapatan. Bagi mendapatkan analisis keanjalan ini, kajian ini telah menjadikan perbelanjaan isirumah mengikut jenis barangan sebagai proksi kepada keanjalan permintaan, sekaligus membolehkan hipotesis tentang taraf hidup dibuat. Ketiga, kajian ini telah memanfaatkan maklumat daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah (HES) dalam merangka soalselidik yang telah diedarkan diseluruh negara (659 responden) bagi mendapatkan maklumat terperinci isirumah dan perbelanjaan mengikut jenis barangan.

SOROTAN KAJIAN

Isu kos sara hidup bukanlah suatu isu baru di dalam bidang ekonomi dan kesejahteraan sosial. Kajian berkenaan topik ini telah bermula semenjak awal tahun

1900-an lagi, antaranya Edward F. McSweeney (1912) yang menghuraikan beberapa perbincangan tentang isu ini. McSweeney telah membincangkan beberapa faktor yang menjadi punca kepada kenaikan kos sara hidup, seperti isu pengeluaran yang berkurangan disebabkan peperangan, serta beberapa isu berkenaan etika pengeluar dalam penetapan harga. Pada ketika itu, perbincangan tentang isu kos sara hidup kebanyakannya berlegar sekitar isu harga barang semata-mata.

Namun, Erville B. Woods (1920) pula telah membawa beberapa perspektif tambahan. Selain membincangkan beberapa persoalan tentang perbezaan kesan perubahan harga barangan asas dan barangan lain kepada kesejahteraan isirumah, Woods turut membincangkan tentang isu gaji. Menurut Woods, peningkatan gaji telah menyebabkan penambahbaikan terhadap tahap keyakinan pasaran, seterusnya meningkatkan permintaan, dan membawa kepada kenaikan harga barangan. Namun, kenaikan harga barangan asas seperti makanan telah menyebabkan isirumah berhadapan dengan masalah kos sara hidup. Basil M. Manly (1920) pula telah membincangkan kaitan antara gaji, keuntungan dan kos sara hidup. Menurut Basil, secara asasnya peningkatan harga barangan berkait rapat dengan kemampuan atau kuasa beli pengguna. Walaupun peningkatan gaji mungkin tidak sentiasa lebih tinggi berbanding peningkatan harga barangan, peningkatan keuntungan syarikat telah menunjukkan tren kenaikan yang sentiasa lebih tinggi berbanding peningkatan harga. Beliau turut membincangkan konsep 'gaji atau keuntungan maksimum' yang sepatutnya diperoleh oleh pekerja atau majikan, kerana dengan kenaikan pendapatan (yang merangkumi gaji dan keuntungan lain), permintaan barangan akan meningkat, seterusnya meningkatkan harga barangan di pasaran.

Kajian berkenaan kos sara hidup juga kembali menjadi topik hangat pada penghujung abad ke-20, dengan F. Howard Nelson (1991) membawa cadangannya untuk mewujudkan indeks kos sara hidup mengikut negeri di Amerika Syarikat. Menurut Nelson, kos sara hidup adalah berbeza-beza mengikut negeri di Amerika Syarikat disebabkan perbezaan gaji, harga barangan, taraf hidup dan corak perbelanjaan isirumah yang berubah mengikut lokasi tempat tinggal. Kajian ini turut menyatakan perubahan pada gaji memberi kesan langsung kepada perbelanjaan isirumah. Keiji Hashimoto dan Julia Heath (1995) juga telah membuat kesimpulan yang sama berkenaan keperluan melihat isu kos sara hidup ini mengikut lokasi setelah mendapati keanjalan perbelanjaan untuk pendidikan di Jepun adalah berbeza mengikut julat pendapatan dan lokasi tempat tinggal isirumah.

Dalam melihat cara isirumah berbelanja, terdapat banyak kajian yang telah membuktikan kaitan antara pendapatan dan perbelanjaan. David Jacobson et al (2010) telah membuktikan berdasarkan kajian kes di negara Cyprus, dua komponen utama yang memberi kesan

langsung kepada perbelanjaan untuk makanan ialah saiz isirumah dan pendapatan. Masahiro Hori dan Satoshi Shimizutani (2012) telah membuktikan bahawa isirumah di Jepun akan menyesuaikan perbelanjaan berdasarkan perubahan yang dijangka pada pendapatan. Park et al (1996) dan Soo Cheong Jang dan Billy Bai (2004) juga telah berjaya menunjukkan korelasi secara langsung antara pendapatan dan perbelanjaan isirumah untuk masing-masing perbelanjaan makanan di negara Amerika Syarikat dan perbelanjaan pelancongan di Jepun.

Isu kos sara hidup juga berkait rapat dengan dengan taraf kehidupan. Peningkatan pada taraf kehidupan akan membawa kepada peningkatan kos perbelanjaan. Hal ini selari dengan beberapa dapatan seperti James Petras dan Henry Veltmeyer (2007) yang mendapati kemajuan sesebuah negara akan membawa kepada peningkatan kualiti dan taraf kehidupan, sekaligus mendorong peningkatan harga barangan dan kos sara hidup. Namun, menurut Christopher Muller (2002) pula, peningkatan harga yang mendadak akan melambatkan peningkatan taraf kehidupan memandangkan isirumah hanya dapat membeli barangan berdasarkan pendapatan mereka. Dapatan mereka ini menunjukkan bahawa peningkatan taraf kehidupan akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup, tetapi peningkatan harga yang berpunca daripada faktor lain (seperti kekurangan penawaran), akan menyukarkan peningkatan taraf kehidupan.

Di Malaysia pula, isu kos sara hidup menjadi suatu isu hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini dibuktikan dengan keprihatinan kerajaan Malaysia dengan menggariskan beberapa langkah khas di dalam belanjawan negara pada setiap tahun. Contohnya di dalam laporan Kementerian Kewangan 2017, menerusi belanjawan negara 2018, kerajaan menekankan tema ke arah mensejahterakan kehidupan rakyat melalui pelbagai inisiatif. Ekoran harga petrol yang tidak menentu yang meningkatkan kos pengangkutan rakyat, kerajaan telah meluluskan dan mempercepatkan beberapa projek pengangkutan awam yang besar seperti pembinaan MRT3 bernilai 50 bilion, East Coast Rail Link (ECRL) bernilai RM144 bilion dan KL-SG High Speed Rail (HSR) bernilai RM43 bilion. Melalui projek mega ini kerajaan berharap sistem pengangkutan awam ini mampu menjadi perkhidmatan yang menggantikan penggunaan pengangkutan persendirian serta mengurangkan kos pengangkutan setiap isi rumah sebanyak 30 peratus hingga 50 peratus (Kementerian Kewangan Malaysia 2017). Bank Negara Malaysia pula telah menjalankan beberapa kajian mengenai kos sara hidup yang diantaranya melihat kemelut pemilikan rumah yang semakin mahal dan gaji minima yang diperlukan untuk hidup di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Sementara itu menurut Bank Negara Malaysia (2017), dianggarkan individu dewasa bujang yang tinggal di Kuala Lumpur memerlukan RM2,700 sebulan sebagai gaji kehidupan wajar. Dengan kata lain, corak perbelanjaan masa kini yang kerap makan di luar serta menggunakan pengangkutan awam

untuk pergi ke tempat kerja menyebabkan gaji lebih tinggi dari RM2,700 sebulan diperlukan untuk hidup di bandar-bandar besar di Malaysia. Ini menunjukkan kos sara hidup penduduk di bandar telah meningkat saban tahun. Kenaikan kos sara hidup ini semakin tinggi apabila kos pemilikan rumah yang mula meningkat sejak tahun 2009. Menurut laporan Kementerian Kewangan Malaysia (2015), indeks harga rumah Malaysia (IHRM) telah meningkat pada tahun 2015 sebanyak 218.5 mata iaitu harga sekitar RM302,716 berbanding pada tahun 2005 sebanyak 115.6 mata iaitu harga hanya sekitar RM158,811.

Zulkarnain dan Isahaque (2013) telah membincangkan beberapa polisi di dalam usaha pembasmian kemiskinan, dan telah menyentuh isu kos sara hidup ini secara terperinci. Kajian ini menerangkan keperluan melihat isu kos sara hidup secara relatif antara negeri, atau sekurang-kurangnya antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak. Hal ini disebabkan wujud perbezaan yang ketara antara negeri dari aspek harga barangan dan pendapatan isirumah, sekaligus menyebabkan definisi kemiskinan antara negeri-negeri ini berbeza, dan kemampuan isirumah menampung kenaikan harga barangan juga berbeza. T.Y. Mok et al. (2007) pula telah mengkaji beberapa faktor yang mempengaruhi pendapatan, seperti bilangan isirumah, kaum, negeri tempat tinggal dan pendidikan. Kajian ini turut menekankan perbezaan pendapatan ini tidak semestinya melambangkan kemampuan untuk menampung kenaikan kos sara hidup, kerana kos sara hidup berbeza-beza mengikut ciri-ciri tersebut.

Menurut Renwick (1998), Allegretto (2006) dan Fisher dan French (2014), terdapat 6 keperluan asas isi rumah di Amerika Syarikat iaitu kesihatan, perumahan, makanan, penjagaan kanak-kanak, pengangkutan dan pakaian. Kajian Flanagan dan Flanagan (2011) mendapati kos tempat tinggal merupakan komponen terbesar dalam penentuan indeks harga wilayah. Berdasarkan kajian Asian Development Bank (2010), majoriti populasi kelas pertengahan di Malaysia menghadapi kos sara hidup yang terus meningkat kerana kemelut gaji yang bertumbuh perlahan berbanding peningkatan harga rumah yang drastik di pasaran. Keadaan ini menyebabkan golongan kelas pertengahan terperangkap dalam isu pemilikan rumah yang semakin mahal. (Economic Planning Unit 2015; Raja Ariffin et al. 2015).

Yahaya (1991) dan Mohd. Rashid dan Ishak A. Ghani (2007) pula ada membincangkan faktor taraf kehidupan dan corak perbelanjaan. Menurut mereka, taraf kehidupan yang tinggi di bandar menyebabkan corak perbelanjaan isirumah di sana turut berubah menjadi lebih tinggi, sekaligus menjadikan kos sara hidup di bandar lebih tinggi. Chamhuri Siwar dan M. Kasim (2013) juga dalam membincangkan isu urbanisasi, turut menyatakan bahawa dalam mengukur garisan kemiskinan, beberapa perkara selain pendapatan turut perlu diambil kira. Contohnya, bilangan isirumah, dan lokasi tempat tinggal. Garisan

Kemiskinan ini melambangkan kumpulan isirumah yang berisiko menghadapi kesukaran dalam menampung keperluan harian dan peningkatan kos sara hidup.

Kajian ini akan melihat secara teliti dua faktor utama peningkatan kos sara hidup iaitu peningkatan pendapatan berbanding inflasi serta corak perbelanjaan isirumah. Li Hongyi dan Zou Heng-Fu (2002), membandingkan pendapatan dan inflasi dengan menggunakan satu model regresi siri masa. Kajian tersebut telah mendapati tren kenaikan pendapatan adalah lebih tinggi berbanding dengan tren inflasi bagi tahun 1950 hingga tahun 1992 bagi 46 buah negara. Begitu juga dengan Flanagan dan Flanagan (2011) yang mengkaji sama ada kos sara hidup untuk golongan berpendapatan rendah adalah lebih tinggi berbanding golongan berpendapatan tinggi. Di Malaysia pula, menurut M. Fadzli (2017), kenaikan kos sara hidup yang lebih besar berbanding dengan pertumbuhan pendapatan isi rumah menyebabkan pendapatan boleh guna isi rumah berkurangan. Kesannya, isi rumah akan terbeban dengan pelbagai bentuk masalah kewangan seperti lewat membayar bil, berada dalam kemurungan dan menghadapi masalah keberhutangan yang tinggi (Thinagan et al. 2017).

Bagi mengkaji corak perbelanjaan pula, Isabelle Schulte (2017) telah mengkaji keanjalan permintaan tenaga elektrik bagi kawasan perumahan di Jerman. Kajian ini membuat konklusi tentang isirumah daripada kumpulan pendapatan yang berbeza melihat perbelanjaan untuk tenaga elektrik sebagai perbelanjaan barangan kelas yang berbeza (barangan mewah, normal atau bawahan) berdasarkan keanjalan permintaan. Dang Luo dan Bo Song (2011) pula telah mengkaji secara spesifik keanjalan permintaan penduduk luar bandar di China terhadap perubahan pendapatan bagi melihat perubahan pada corak perbelanjaan mereka dan mendapati peningkatan pendapatan tidak meningkatkan perbelanjaan dengan ketara kerana penduduk luar bandar di China masih mengekalkan taraf kehidupan yang sama. Marie Estelle Binet (2013) pula telah mengkaji keanjalan permintaan penduduk Perancis terhadap barangan awam dan mendapati keanjalan permintaan barangan awam adalah rendah (kurang daripada 0) apabila berlaku peningkatan pendapatan, yang menandakan barangan awam adalah barangan bawahan. Kajian-kajian ini telah menggunakan model yang sama iaitu Linear Expenditure System (LES) iaitu satu model regresi log-log bagi mengkaji keanjalan permintaan. Dalam konteks Malaysia, Ismail (1971) telah menganalisis keanjalan perbelanjaan isi rumah di Semenanjung Malaysia untuk menerangkan bagaimana pendapatan mempengaruhi perbelanjaan isi rumah.

Justeru, kajian ini memberi sumbangan kepada literatur melalui penganggaran keanjalan permintaan barang isi rumah berdasarkan tiga kumpulan pendapatan iaitu T20, M40 dan B40 di seluruh Malaysia. Walaupun kajian lepas telah melihat beberapa aspek Kos Sara Hidup dan pendapatan, namun tidak ada kajian yang secara teliti melihat implikasi peningkatan pendapatan terhadap taraf

kehidupan dan bagaimana peningkatan taraf kehidupan boleh menyumbang kepada masalah tekanan kos sara hidup. Walaupun Isabelle (2017) melihat perbezaan kumpulan pendapatan isirumah menyumbang kepada corak perbelanjaan tenaga elektrik, namun perbelanjaan tenaga elektrik adalah satu komponen kecil perbelanjaan isirumah, dan tidak cukup signifikan dalam memberi implikasi terhadap tekanan kos sara hidup. Dang Luo (2011) pula tidak melihat perbelanjaan dalam pecahan jenis /komponen perbelanjaan, dan hanya memberi fokus pada penduduk luar bandar, bukan berdasarkan kumpulan pendapatan. Dengan meneliti hasil kajian ini, kita dapat membuat beberapa hipotesis tentang punca penduduk berasa tertekan dengan peningkatan kos sara hidup, dan apakah intervensi terbaik daripada pihak berkenaan untuk mengurangkan tekanan tersebut.

METODOLOGI DAN DATA

DATA KAJIAN – DATA SEKUNDER (HIS & HES)

Kajian ini memanfaatkan data daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) pelbagai tahun bagi mengkaji tren peningkatan pendapatan berbanding inflasi. Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan data daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2014 untuk menentukan jenis barangan yang paling banyak dibelanjakan oleh isirumah. Tiga (3) jenis perbelanjaan utama telah dikenalpasti iaitu perbelanjaan untuk makanan, pengangkutan dan perumahan. Seperti yang diterangkan dalam bahagian pendahuluan, ketiga-tiga komponen perbelanjaan isirumah ini bukan sahaja merupakan komponen paling besar, malah juga merupakan perbelanjaan asas / keperluan. Hal ini dapat membantu kajian ini untuk menilai peningkatan taraf hidup memandangkan jenis perbelanjaan keperluan secara teorinya mempunyai keanjalan rendah (antara 0 hingga 1)

DATA KAJIAN – DATA PRIMER (SOALSELIDIK)

Bagi memperoleh data primer pula, satu soalselidik telah dijalankan di seluruh negara bagi mengumpul maklumat daripada sampel kajian berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan utama isirumah. Data daripada soalselidik ini kemudiannya dianalisis menggunakan model regresi log-log beserta dengan pembolehubah interaksi dan pembolehubah dami. Model regresi log-log merupakan antara model yang paling kerap digunakan untuk mengkaji keanjalan permintaan.

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak 659 data telah dikumpul dari seluruh negara pada tahun 2016. Beberapa orang enumerator telah dilantik untuk mengumpul data ini mengikut negeri, status bandar dan strata pendapatan. Teknik pensampelan rawak telah digunakan untuk mendapatkan bilangan responden yang dapat mewakili

taburan populasi sebenar penduduk di Malaysia mengikut kawasan, kaum, jantina dan kumpulan pendapatan. Kelebihan persampelan rawak mudah adalah setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk terpilih mewakili populasi. Oleh itu kajian ini mengaplikasikan persampelan rawak mudah tanpa penggantian. Teknik pensampelan rawak merupakan teknik yang banyak digunakan dalam kajian primer terutamanya di Malaysia (Abdullah et al. 2016; Asri et al. 2014; Ismail et al 2010; Kamaludin et al. 2017; Osman & Shahiri 2014; Shahiri & Osman 2017). Malahan, teknik pelaporan sendiri (self reporting) oleh responden ini telah digunakan oleh banyak pengkaji untuk mendapatkan maklumat secara langsung (Haines et al. 2009; Hayes & Finney 2013; Mahal et al. 2012; Miron-Shatz 2009; Romli & Selamat 2014).

Jadual 1 menunjukkan pembahagian data mengikut negeri, status bandar dan kumpulan pendapatan. Walaupun bilangan responden sebanyak 659 orang dianggap sederhana untuk kajian menggunakan data primer, kajian ini telah berusaha untuk memastikan bilangan responden mengikut negeri menggambarkan nisbah populasi penduduk Malaysia yang sebenar di setiap negeri. Sebagai contoh, negeri Terengganu yang mewakili 3.7% penduduk di Malaysia, mempunyai 3.5% responden dalam kajian ini. Hal yang sama boleh dilihat untuk negeri Pahang dan Kedah yang mewakili sekitar 5.14% dan 6.7% penduduk Malaysia pada tahun 2015. Responden kajian dari kedua-dua negeri ini merangkumi sebanyak 5.3% dan 7.1% daripada keseluruhan responden. Selain itu, bilangan responden daripada golongan B40 mencerminkan pecahan golongan tersebut di negeri-negeri seperti Selangor, Sabah dan Pulau Pinang. Sebagai contoh, negeri Selangor yang merupakan negeri kedua tertinggi yang menempatkan golongan B40 di Malaysia (12.2%), mempunyai 12.5% responden dikalangan golongan B40 berbanding negeri lain. Hal yang sama boleh dilihat bagi negeri Sabah (9.2%) dan Pulau Pinang (5.6%) yang masing-masing menyumbang kepada 9.8% dan 5.4% bilangan responden kajian dikalangan B40.

METODOLOGI KAJIAN

MODEL REGRESI SIRI MASA (PENDAPATAN & INFLASI)

Model ini telah digunakan untuk mengkaji tren peningkatan pendapatan isirumah. Dalam membincangkan beban kenaikan kos sara hidup, sering kali timbul kegelisahan mengenai kenaikan harga yang lebih besar daripada kenaikan pendapatan. Dengan melihat kepada tren pendapatan isirumah serta kadar inflasi, kajian ini dapat membuat satu analisis terhadap kedua-dua tren ini dan membuat kesimpulan sama ada peningkatan harga barangan (inflasi) adalah lebih pantas berbanding peningkatan pendapatan.

JADUAL 1 Taburan soalselidik mengikut Negeri, Status Bandar & Strata Pendapatan

	Bandar	Luar Bandar	B40	M40	T20	Jumlah Keseluruhan
Perlis	16	6	16	4	2	22
Kedah	17	30	39	7	1	47
P.Pinang	32	8	18	15	7	40
Perak	44	22	31	19	16	66
Kelantan	10	34	26	13	5	44
Terengganu	4	19	12	5	6	23
Pahang	20	15	18	13	4	35
Melaka	18	6	9	11	4	24
N. Sembilan	7	18	12	9	4	25
Johor	25	34	26	19	14	59
Kuala Lumpur	43	0	19	18	6	43
Sabah	42	20	33	19	10	62
Sarawak	42	29	33	34	4	71
Selangor	68	30	42	39	17	98
Jumlah Keseluruhan	388	271	334	225	100	659

Model ini adalah berdasarkan regresi linear asas, iaitu:

$$X_t = \beta_0 + \beta_1 t + \varepsilon_t \tag{1}$$

X_t dalam model ini mewakili pendapatan isirumah mengikut tahun t , β_0 adalah nilai malar dan β_1 adalah nilai yang digunakan untuk melihat tren kenaikan pendapatan.²

Model ini akan dibandingkan dengan model regresi linear inflasi mengikut tahun seperti berikut:

$$I_t = \beta_0 + \beta_1 t + \varepsilon_t \tag{2}$$

dimana I_t dalam model ini mewakili kadar inflasi mengikut tahun t , β_0 adalah nilai malar dan β_1 adalah nilai yang digunakan untuk melihat tren perubahan kadar inflasi³.

Kadar inflasi pula dikira berdasarkan indeks harga pengguna (IHP) yang merupakan kayu ukur yang digunakan untuk melihat peningkatan harga barang secara keseluruhan. IHP mengambil kira “bakul” barangan dan perkhidmatan secara am, dikelaskan berpandu kepada “Klasifikasi Penggunaan Individu Mengikut Tujuan” oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Melalui kaedah ini, setiap jenis barangan mempunyai pemberat yang diambil kira untuk melambangkan nilai inflasi. Peningkatan harga barangan akan meningkatkan nilai IHP mengikut pemberat yang telah ditetapkan. Berdasarkan indeks ini, kadar IHP dapat dibandingkan secara terus dengan kadar peningkatan pendapatan. Sekiranya kadar IHP adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar peningkatan pendapatan, perkara ini menunjukkan bahawa isirumah tersepit dengan peningkatan harga barang dalam keadaan pendapatan yang tidak banyak berubah.

MODEL REGRESI LOG-LOG (PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN)

Model regresi Log-Log telah digunakan untuk mengkaji keanjalan perbelanjaan isirumah. Model ini adalah berdasarkan model lanjutan Linear Expenditure System (LES) yang telah digunapakai dalam banyak kajian keanjalan permintaan seperti Lluch dan Williams (1975a), Lluch dan Williams 1975b, Dixon dan Lluch 1977, Burney dan Akmal (1991) dan Narayana, dan Vani (2000). Model asas Linear Expenditure System (LES) menghasilkan anggaran keputusan yang sangat sensitif kepada spesifikasi ralat. Ini berbeza dengan model lanjutan Linear Expenditure System (LES) yang menghasilkan anggaran yang lebih stabil dan tepat. Selain itu, model lanjutan yang digunakan boleh membentuk fungsi penggunaan ‘Keynesian’. Oleh kerana model lanjutan LES ditulis dalam persamaan log, nilai koefisyen yang diperolehi menerangkan peratus perubahan perbelanjaan akibat daripada peratus perubahan pendapatan. Ini secara tidak langsung telah menjelaskan konsep keanjalan pendapatan dalam konteks permintaan barang isi rumah.

Model ini mempunyai dua (2) andaian, iaitu pertamanya permintaan pengguna terbahagi kepada dua iaitu permintaan asas yang tidak bergantung pada pendapatan, dan permintaan tambahan yang bergantung pada pendapatan. Selain itu, permintaan tambahan akan hanya ada sekiranya permintaan asas terpenuhi. Persamaan asas bagi model ini ialah:

$$V_k = P_k \gamma_k + B_k (Y - \sum_{k=1}^K P_k \gamma_k), \quad k = 1, 2, \dots, n \tag{3}$$

$$P_k \gamma_k - B_k (\sum_{k=1}^K P_k \gamma_k) = b_k \tag{4}$$

$$V_k = b_k + \beta_k Y \tag{5}$$

Di dalam formula LES ini, V_k ialah jumlah keseluruhan perbelanjaan isirumah, $P_k\gamma_k$ pula ialah jumlah perbelanjaan asas isirumah, manakala β_k ialah propensiti perbelanjaan marginal. Bagi menggunakan model ini, pembolehubah yang malar akan menjadi b_k manakala pembolehubah yang bergantung pada pendapatan, $\beta_k Y$ akan menjadi pembolehubah yang akan digunakan bagi mengkaji keanjalan perbelanjaan isirumah.

Bagi tujuan kajian ini, beberapa pembolehubah utama telah dikenalpasti. Perbelanjaan isirumah adalah merupakan pembolehubah bergerak balas. Kajian ini juga akan melihat perbelanjaan isirumah mengikut jenis barangan iaitu perbelanjaan makanan, pengangkutan dan perumahan. Tiga pembolehubah bersandar ini dipilih sebagai indikator kajian kerana makanan, pengangkutan dan perumahan adalah komponen asas perbelanjaan isi rumah yang dikategorikan sebagai barang keperluan. Bahkan, makanan, pengangkutan dan perumahan merupakan tiga komponen utama perbelanjaan swasta dalam pengiraan KDNK berdasarkan perbelanjaan negara. Berdasarkan Kajian Perbelanjaan Isi Rumah 2016, 24% perbelanjaan isi rumah adalah ke atas rumah dan utiliti, diikuti oleh makanan 18% dan pengangkutan 13.7%. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga komponen ini merangkumi 55.7% perbelanjaan isi rumah. Pembolehubah lain yang penting di dalam kajian ini ialah pendapatan isirumah. Kajian ini akan mengenalpasti keanjalan perbelanjaan apabila berlaku perubahan pada pendapatan isirumah. Status bandar juga akan digunakan sebagai pembolehubah interaksi bagi melihat kesan status bandar terhadap perbelanjaan dan pendapatan isirumah. Bagi isirumah daripada kawasan luar bandar, nilai status bandar adalah 0, dan 1 sekiranya daripada bandar.

$$\log(Y)_i = \text{Constant} + \alpha \log(X)_i + \beta \log(Z)_i + \gamma(Z \times \log(X))_i + \varepsilon \quad (6)$$

Y adalah Perbelanjaan Isirumah, X pula ialah Pendapatan Isirumah dan Z ialah status bandar. Subskrip i pula merujuk kepada isirumah ke- i . ε ialah simbol bagi ralat.

Untuk melihat kesan yang lebih spesifik, beberapa pembolehubah lain juga telah dimasukkan ke dalam model regresi ini. Saiz isirumah dimasukkan kerana semakin besar saiz isirumah, semakin besar perbelanjaan. 13 pembolehubah dami untuk melihat perbezaan perbelanjaan mengikut negeri juga diperkenalkan, dengan menjadikan negeri Selangor sebagai pembolehubah terkawal. Sekiranya isirumah berasal daripada sesebuah negeri yang dimaksudkan, pembolehubah dami ini akan bersamaan dengan 1, dan 0 sebaliknya. Bagi isirumah yang berasal daripada Selangor, kesemua pembolehubah dami akan bersamaan dengan 0. Persamaan penuh bagi model regresi ini adalah seperti berikut:

$$\log(Y)_i = \text{Constant} + \delta \log(X)_i + \beta(Z)_i + \gamma(Z \times \log(X))_i$$

$$+ \Omega(W)_i + \varepsilon(Sa)_i + \eta(Sb)_i + \theta(Sc)_i + \vartheta(Sd)_i + \lambda(Se)_i + \mu(Sf)_i + \zeta(Sg)_i + \pi(Sh)_i + \rho(Si)_i + \varphi(Sk)_i + \phi(Sl)_i + \psi(Sm)_i + \omega(Sn)_i + \varepsilon \quad (7)$$

W ialah saiz isirumah, manakala $S(a...n)$ adalah pembolehubah negeri mengikut turutan, bermula daripada Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. i merujuk kepada isirumah ke- i . Akhir sekali, bagi melihat keanjalan perbelanjaan isirumah mengikut strata pendapatan dan status bandar, nilai koefisien bagi δ , iaitu $\log(\text{Pendapatan Isirumah})$ akan menjadi keanjalan perbelanjaan bagi penduduk luar bandar. Bagi keanjalan perbelanjaan untuk penduduk bandar, nilai koefisien akan ditambah dengan koefisien γ , iaitu nilai bagi $(\text{Status Bandar} \times \log(\text{Pendapatan Isirumah}))$, i.e. $(\delta + \gamma)$. ε Hasil Regresi ini akan dibincangkan di dalam bahagian seterusnya.⁴

Secara teori, peningkatan pendapatan sememangnya akan membawa kepada peningkatan permintaan (Victor R. Fuchs, 1965), sekaligus membawa peningkatan perbelanjaan. Namun, peningkatan perbelanjaan ini kebiasaannya lebih perlahan berbanding peningkatan pendapatan (Simon Kuznets, 1957). Berdasarkan teori keanjalan permintaan berdasarkan pendapatan, peningkatan pendapatan sebanyak 1% akan diikuti dengan peningkatan permintaan antara 0-1%, menandakan barangan yang dikaji adalah barangan normal. Namun, sekiranya peningkatan permintaan melebihi 1%, ini menandakan barangan tersebut adalah barangan mewah. Maka, sekiranya peningkatan pendapatan sebanyak 1% diiringi dengan peningkatan perbelanjaan yang lebih tinggi daripada 1%, dan harga barang tidak berubah, ini bermakna isirumah tersebut telah meningkatkan taraf kehidupannya dengan membeli barangan yang secara komparatif pada strata pendapatannya adalah barangan mewah. Hal ini memberi konotasi bahawa isirumah telah meningkatkan taraf kehidupannya dengan sangat pantas melebihi peningkatan pendapatannya. Dengan mengenalpasti jenis barangan yang mempunyai keanjalan perbelanjaan tinggi, kajian ini dapat memberi input terhadap sektor atau pasaran jenis barangan yang memerlukan intervensi kerajaan bagi membantu isirumah menangani bebanan kos sara hidup.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

PENDAPATAN DAN INFLASI

Berdasarkan data Penyiasatan Pendapatan Isirumah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS), kita dapat menyaksikan peningkatan pendapatan yang pesat bagi ketiga-tiga kumpulan pendapatan, iaitu B40, M40 dan T20.

Meskipun begitu, dalam masa yang sama, data inflasi juga menunjukkan bahawa inflasi di Malaysia telah meningkat secara konsisten dari tahun ke tahun. Jadual 2 menunjukkan pertumbuhan pendapatan B40, M40 dan T20 daripada tahun 1979 hingga tahun 2014, manakala Rajah 1 menunjukkan pergerakan pendapatan bagi ketiga-tiga kumpulan ini dan kadar inflasi di Malaysia daripada tahun 1987 hingga tahun 2014.

Apabila peningkatan pendapatan ini dibandingkan dengan peningkatan tahap inflasi, kami mendapati bahawa peningkatan pendapatan hampir sentiasa lebih tinggi berbanding peningkatan inflasi. Malah, mengikut strata pendapatan B40, M40 dan T20 juga menunjukkan semenjak tahun 2002, peningkatan pendapatan bagi ketiga-tiga strata ini sentiasa lebih tinggi berbanding peningkatan kadar inflasi.

Bagi mengkaji tren peningkatan ini pula, hasil model regresi linear adalah seperti dalam Jadual 3 dan Rajah 2. Garis tren linear bagi pertumbuhan ketiga-tiga

kumpulan pendapatan adalah positif, manakala tren bagi pertumbuhan kadar inflasi adalah negatif. Dapatan ini memberi indikasi bahawa pendapatan meningkat lebih pantas berbanding inflasi.


Hasil dapatan ini juga disokong dengan analisis pertumbuhan tahunan berdasarkan kaedah pertumbuhan tahunan terkompoun (*Compounded Annual Growth Rate, CAGR*). Tren CAGR menunjukkan ketiga-tiga kumpulan pendapatan mempunyai tren positif yang lebih tinggi berbanding tren inflasi. Kecerunan garisan tren linear ketiga-tiga kumpulan pendapatan adalah lebih curam berbanding garisan tren inflasi. (Sila rujuk Jadual 4 untuk melihat peningkatan CAGR)

Memandangkan pertumbuhan pendapatan bagi ketiga-tiga kumpulan pendapatan hampir sentiasa lebih tinggi berbanding kadar inflasi, malah tren pendapatan kumpulan ini juga adalah lebih tinggi berbanding tren inflasi, ditambah lagi dengan kadar pertumbuhan terkompoun (CAGR) yang menunjukkan pendapatan

JADUAL 2 Pertumbuhan pendapatan B40, M40 dan T20

	1979-1989		1989-1999		1999-2009		2009-2014	
		Δ%		Δ%		Δ%		Δ%
B40	424	110.95	865	104.01	1440	66.47	2537	76.18
M40	1037	87.18	2204	112.54	3631	64.75	5662	55.94
T20	2925	55.83	6268	114.29	9987	59.33	14305	43.24

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 1989, 1995, 2004, 2009 dan 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia




RAJAH 1 Pendapatan Kasar Bulanan Purata Isirumah Mengikut Kumpulan Pendapatan (B40, M40 dan T20) dan Inflasi

JADUAL 3 Hasil Regresi Linear Siri Masa

Strata Pendapatan / Inflasi	Nilai (Constant)	Nilai (Tahun)
B40	2.53*	1.29**
M40	3.00**	0.79*
T20	2.06*	0.63*
Inflasi	3.19**	-0.24*


** 1% tahap signifikan, * 5% tahap signifikan



RAJAH 2 Kadar pertumbuhan purata tahunan pendapatan dan kadar inflasi

JADUAL 4 Kiraan Kadar pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR)

Strata Pendapatan/Inflasi	1989 (%)	1995 (%)	1999 (%)	2004 (%)	2009 (%)	2014 (%)	Nilai purata CAGR %	Tren CAGR %
B40	4.09	8.53	5.70	4.94	5.52	11.99	6.80	0.85
M40	2.22	9.39	5.53	5.47	4.77	9.29	6.11	0.61
T20	-0.09	10.07	4.77	5.87	3.68	7.45	5.29	0.56
Inflasi	1.34	3.81	3.54	1.47	2.92	2.36	2.57	0.01



RAJAH 3 Kadar pertumbuhan tahunan terkompau (CAGR) bagi pendapatan dan kadar inflasi

bertumbuh lebih laju berbanding inflasi, terdapat bukti yang kuat yang menunjukkan pendapatan meningkat lebih laju berbanding inflasi, dan tidak sepatutnya menjadi punca utama kepada isu dalam menangani peningkatan kos sara hidup. Faktor lain, terutamanya faktor perbelanjaan, yang memberi refleksi gaya berbelanja dan taraf kehidupan, perlu dikaji untuk melihat kaitannya dengan isu tekanan kos sara hidup.

PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN

Berdasarkan hasil penyiasatan perbelanjaan isirumah 2014 daripada Jabatan Perangkaan Negara, tiga komponen utama perbelanjaan isirumah ialah makanan, perumahan dan pengangkutan. Malah ketiga-tiga komponen ini adalah komponen terbesar perbelanjaan bagi kesemua strata pendapatan. Rajah 4 menunjukkan agihan perbelanjaan isirumah berdasarkan strata pendapatan.

Kumpulan B40 berbelanja sebanyak 26.5% daripada keseluruhan perbelanjaannya untuk makanan dan minuman bukan alkohol, 23.6% untuk perumahan, 12.5% untuk pengangkutan dan 11.4% untuk hotel dan restoren. Keseluruhan untuk tiga kategori makanan, perumahan dan pengangkutan adalah 74%. Bagi kumpulan M40 pula, jumlah keseluruhan adalah 70%, manakala untuk kumpulan T20 adalah 67.6%. Disebabkan isirumah secara keseluruhannya berbelanja paling banyak untuk tiga kategori perbelanjaan ini, iaitu makanan, pengangkutan dan perumahan, maka kajian ini akan mengkaji secara khusus keanjalan perbelanjaan terhadap peningkatan pendapatan bagi tiga jenis kumpulan barangan ini.

Kajian ini melihat kepada keanjalan perbelanjaan isirumah terhadap peningkatan pendapatan, dan bagi barangan yang anjal perbelanjaannya, iaitu barangan yang mempunyai koefisien melebihi 1.0, ia membawa indikasi bahawa corak perbelanjaan isirumah terhadap barangan tersebut telah berubah dan taraf kehidupan isirumah telah meningkat dengan pantas. Peningkatan taraf kehidupan yang lebih pantas berbanding pendapatan ini perlu dikaji kerana ia adalah penyebab kepada permasalahan peningkatan kos sara hidup. Kajian ini dapat mengenalpasti jenis barangan serta lokasi bandar atau luar bandar isirumah yang berhadapan dengan keanjalan perbelanjaan tinggi ini.

Bagi data B40, hasil regresi seperti di dalam Jadual 5 menunjukkan keanjalan perbelanjaan terhadap peningkatan pendapatan adalah secara umumnya pada tahap normal, iaitu pada 0.9771707 (luar bandar), dan 0.99376 (bandar). Kedua-dua keanjalan ini masih berada dalam lingkungan antara 0.0 hingga 1.0. Namun, sekiranya kita meneliti keanjalan perbelanjaan mengikut jenis barangan, perbelanjaan untuk pengangkutan adalah anjal, iaitu 1.313688 (luar bandar) dan 1.469902 (bandar), berbanding perbelanjaan untuk makanan, pada tahap keanjalan normal sekitar 0.7035105 (luar bandar) dan 0.679729 (bandar). Ini mencadangkan berlakunya

peningkatan taraf kehidupan bagi isirumah B40 untuk pengangkutan.

Bagi data M40, hasil regresi dalam Jadual 5 menunjukkan keanjalan perbelanjaan terhadap peningkatan pendapatan adalah secara umumnya pada tahap tinggi, iaitu pada 1.031645 (luar bandar) dan 1.062415 (bandar). Secara lebih mendalam, perbelanjaan bagi perumahan, iaitu pada 1.189752 (luar bandar), 1.348385 (bandar), dan keanjalan bagi makanan 1.22887 (luar bandar), 1.102736 (bandar), juga berada pada tahap yang tinggi berbanding perbelanjaan untuk pengangkutan yang hanya berada pada tahap 0.6995032 (luar bandar) dan 0.658026 (bandar). Ini mencadangkan secara keseluruhannya isirumah M40 mengalami peningkatan taraf kehidupan dan secara khususnya peningkatan ini bertumpu kepada peningkatan taraf kehidupan bagi perbelanjaan perumahan dan makanan.

Bagi data T20 pula, hasil regresi dalam Jadual 5 menunjukkan keanjalan perbelanjaan makanan iaitu 0.4409733 (luar bandar) dan 0.448340 (bandar) dan keanjalan bagi perbelanjaan pengangkutan 0.7917375 (luar bandar) dan 0.842709 (bandar) berada pada tahap yang normal. Ini menunjukkan isirumah T20 berbelanja pada tahap taraf kehidupan yang sama untuk kedua-dua barangan ini dan tidak berlaku perubahan gaya berbelanja yang ketara untuk kumpulan ini.

Bagi melihat secara khusus keanjalan perbelanjaan terhadap peningkatan pendapatan, Jadual 6 telah mengumpul kesemua koefisien yang berkaitan. Jadual 6 juga telah mengambil kira pembolehubah 'status bandar' untuk mengenalpasti kesan peningkatan pendapatan terhadap keanjalan perbelanjaan mengikut status isirumah bandar atau luar bandar. Bagi mendapat gambaran yang lebih menyeluruh, model regresi ini telah menggabungkan data bagi kesemua isirumah untuk membentuk model "Umum" yang memberi gambaran isirumah secara menyeluruh (B40, M40 dan T20). Mengikut strata pendapatan pula, pembolehubah 'status bandar' telah dikeluarkan bagi mendapat keanjalan 'umum' iaitu isirumah mengikut strata pendapatan tanpa mengira status bandar atau luar bandar.

Pertamanya, kita dapat melihat secara keseluruhan, isirumah di bandar mempunyai keanjalan perbelanjaan sebanyak 0.9193, yang mencadangkan isirumah tidak mengalami perubahan ketara di dalam corak perbelanjaan dan taraf kehidupan. Ini menunjukkan isu kenaikan kos sara hidup secara keseluruhannya bukanlah disebabkan oleh isi rumah telah meningkatkan jumlah perbelanjaan demi untuk memenuhi kehendak mereka yang sentiasa berubah dan meningkat. Sebaliknya, perbelanjaan mereka adalah tertumpu untuk menampung kos keperluan hidup yang telah meningkat akibat daripada perubahan dalam pasaran dan kewangan mereka. Ini bertepatan dengan Ismail & Abu, Norlinda (2012) yang mendapati keanjalan pendapatan isi rumah yang lebih rendah dalam barangan-barang keperluan harian berbanding perbelanjaan ke atas perkara-perkara lain. Namun, mengikut jenis barangan,

JADUAL 5 Hasil regresi untuk data B40, M40 dan T20

	B40			M40			T20				
	Log (Exp)	Log (Expf)	Log (Expt)	Log (Exp)	Log (Expf)	Log (Expt)	Log (Exp)	Log (Expf)	Log (Expt)		
Constant	.10853**	1.05866	-4.19781	-88280**	-3.55001	96020**	-3.02749	2.87350	3.67234	-1.4007**	-2.99654**
Log(Pendapatan Isirumah)	.97717*	.70351*	1.31368*	.93706	1.03165*	1.22887*	1.18975*	.65956	.44097*	.79174**	1.12848
Status Bandar	-.13541**	.16098**	1.27822**	1.00486**	1.11165**	1.33429**	1.44449**	.37344**	.09184**	.52509**	.30392**
Log(Pendapatan Isirumah) × Status Bandar	.01659**	-.02378**	.15621**	-.12145**	.03077**	-.04148**	.15863**	-.03433**	.00737**	.05097**	-.01764**
Saiz Isirumah	.00576	.06397	.00004**	-.02824*	.00440	-.04031	-.04214	.011625	.05733	-.01712**	-.00475**
Perlis	-.01914**	-.04764**	.07961**	-.05193**	.03412**	.14328**	-.07392**	-.01514**	-.06167**	.00647**	-.17759**
Kedah	-.00656**	-.08296**	.21034**	-.00138**	.04897	-.01720**	.15821**	-.15102**	-.32711**	.22139**	-.02686**
Penang	.01281**	-.08477**	.08019**	.06815**	.00990**	-.07706**	-.03275**	.00765**	-.01196**	.27828	-.16431**
Perak	-.03354**	-.03807**	.09144**	-.02252**	-.03630	-.01820**	-.02247**	-.04586**	-.02510**	.08665**	-.10030**
Kelantan	-.03321**	-.10600	.06211**	-.08425**	-.01652**	-.06348**	-.04308**	.02534**	-.02186**	-.04605**	.01660**
Terengganu	-.02357**	-.20725*	.35999**	.04071**	-.01197**	.03205*	.00056**	.00485**	-.05713**	-.01957**	.07298**
Pahang	.01005**	-.02733**	.06639**	-.05477**	-.00277**	.02305**	.01204**	-.01934**	.00367**	-.06861**	.01886**
Melaka	.03264**	-.01288**	.29383**	-.04657**	.00753**	.01606**	-.09841**	-.07834**	-.05100**	.02365**	-.02420**
Negeri Sembilan	-.01104**	.02005**	-.06421**	-.17012**	.03509**	.00115**	.11926**	.00703**	-.09528**	-.08004**	-.14955**
Johor	-.00753**	-.09703	.24453**	-.01724**	.00873**	.04264**	.08153**	-.02436**	-.03638**	-.00091**	-.03512**
Kuala Lumpur	-.00056**	-.05103**	.00653**	-.07216**	-.01766**	-.04652**	-.10933**	-.08153**	.02250**	-.27181	.01224**
Sabah	-.02923**	-.04523**	.15714**	-.01856**	.00294**	.09015**	.08939**	-.03129**	-.05636**	.04407**	-.12779**
Sarawak	.00210**	-.06130**	.09142**	-.14920	.00791**	-.04155**	-.07340**	-.04382**	.06097**	-.00803**	.07972**

Nota: Log(Exp) – Log (Perbelanjaan Keseluruhan Isirumah), Log(Expf) – Log (Perbelanjaan untuk Makanan Isirumah), Log(Expt) – Log (Perbelanjaan untuk Pengangkutan), Log(Expb) – Log (Perbelanjaan untuk Perumahan)
 ** 1% tahap signifikan, * 5% tahap signifikan

JADUAL 6 Hasil regresi berkaitan keanjalan perbelanjaan mengikut jenis barangan, strata pendapatan dan status bandar

	Keseluruhan			Makanan			Perumahan			Pengangkutan		
	Luar Bandar	Bandar	Umum	Luar Bandar	Bandar	Umum	Luar Bandar	Bandar	Umum	Luar Bandar	Bandar	Umum
B40	0.977171*	0.993757**	0.983973	0.703511*	0.679729**	0.692327	0.937057	0.815600**	0.896717	1.313688*	1.469902**	1.247629
M40	1.031645*	1.062415**	1.003395	1.22887*	1.102736**	1.137357	1.189752*	1.348385**	1.070774	0.699503*	0.658026**	0.67264
T20	0.659556	0.625222**	0.639372	0.440973*	0.448340**	0.43844	1.128478	1.110835**	1.135277	0.791738**	0.842709**	0.757277
Umum	0.936509	0.919995**	0.927631	0.792713	0.790843**	0.790441	0.899406	0.884382**	0.900602	0.896254	0.800128	0.845386

Nota: ** 1% tahap signifikan, * 5% tahap signifikan

kita dapat melihat berlaku beberapa perubahan drastik di dalam perbelanjaan isirumah, yang mencadangkan wujud beberapa intervensi yang boleh diperkenalkan untuk membantu isirumah menangani masalah kenaikan kos sara hidup.

Misalannya, bagi kumpulan pendapatan B40, keanjalan perbelanjaan untuk makanan bagi kedua-dua bandar dan luar bandar adalah normal, iaitu pada 0.703511 (luar bandar) dan 0.679729 (bandar). Dapatan ini adalah konsisten dengan penemuan oleh Shulte, Isabelle (2017) yang mendapati golongan berpendapatan rendah tidak mengubah corak perbelanjaan mereka dengan ketara apabila berlaku perubahan harga meskipun pendapatan benar telah berubah. Walaubagaimanapun, penemuan ini telah bertentangan dengan Luo, D. and Song, B. (2011) yang mendapati golongan luar bandar mengalami perubahan keanjalan yang ketara kesan daripada perubahan pendapatan. Ini menunjukkan golongan berpendapatan rendah di Malaysia adalah kurang sensitif kepada perubahan dalam pendapatan berbanding seperti kajian yang ditunjukkan Marie-Estelle Binet (2013). Keanjalan bagi perbelanjaan makanan adalah normal disebabkan terdapatnya banyak bantuan kerajaan untuk kumpulan pendapatan ini memperoleh barang makanan dengan harga yang berpatutan seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Pasar Tani dan MyFarm Outlet. Program-program seperti ini membolehkan isirumah B40 membeli barang makanan asas dengan harga yang berpatutan dan membolehkan mereka menggunakan pertambahan pendapatan untuk barangan lain. Terdapat banyak pilihan barang pengganti yang bersesuaian dengan corak perbelanjaan B40, yang menyebabkan tidak berlakunya perubahan perbelanjaan yang ketara untuk barangan makanan dengan peningkatan pendapatan.

Namun, keanjalan bagi perbelanjaan untuk pengangkutan adalah tinggi, iaitu pada 1.313688 (luar bandar) dan 1.469902 (bandar). Keanjalan bagi perbelanjaan pengangkutan yang tinggi mencadangkan bahawa isirumah B40 banyak menggunakan pertambahan pendapatan yang diperoleh untuk berbelanja pada barangan pengangkutan. Hal ini boleh dikaitkan dengan tren berbelanja isirumah yang merasakan kenderaan seperti motosikal dan kereta adalah perlu. Dengan peningkatan pendapatan, isirumah B40 yang sebelum ini menggunakan kenderaan awam seperti bas merasakan perlunya untuk mereka berbelanja lebih untuk meningkatkan kualiti kehidupan pada aspek pengangkutan. Selain itu, peningkatan pendapatan juga boleh dikaitkan dengan perubahan pekerjaan daripada pekerjaan yang berhampiran dengan tempat tinggal kepada pekerjaan yang memerlukan isirumah ini untuk melakukan perjalanan ke tempat kerja, sekaligus meningkatkan perbelanjaan pengangkutan.

Seterusnya, bagi golongan isirumah M40, kita dapat melihat keanjalan perbelanjaan secara keseluruhan untuk kumpulan pendapatan ini adalah agak tinggi untuk kedua-dua isirumah bandar (1.062415) dan luar

bandar (1.031645). Hal ini mencadangkan kumpulan pendapatan ini mengalami peningkatan taraf kehidupan yang lebih pantas berbanding peningkatan pendapatan, dan merupakan kumpulan isirumah yang paling terkesan dengan isu peningkatan kos sara hidup. Hal ini adalah selari dengan sebuah laporan UKM Pakarunding (2016) yang menyatakan melalui salah satu perbincangan meja bulat yang dibuat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah mendedahkan bahawa kumpulan isirumah yang paling banyak berhutang dan berisiko untuk mempunyai masalah kredit adalah kumpulan M40. Keanjalan isirumah M40 yang berada di bandar adalah lebih tinggi, mencadangkan kumpulan ini lebih berisiko mengalami masalah untuk menangani isu peningkatan kos sara hidup disebabkan keanjalan yang lebih tinggi di kawasan bandar. Perkara ini boleh dikaitkan dengan kewujudan lebih banyak pilihan barangan mewah di kawasan bandar yang menyebabkan isirumah lebih cenderung untuk berbelanja lebih dari kemampuan di kawasan tersebut.

Mengikut jenis barangan pula, kumpulan pendapatan ini mempunyai keanjalan perbelanjaan yang tinggi untuk perumahan dan makanan, namun keanjalan yang normal untuk pengangkutan. Keanjalan perbelanjaan untuk pengangkutan adalah normal berkemungkinan disebabkan isirumah M40 kebanyakannya sudah mempunyai kenderaan sendiri dan peningkatan pendapatan tidak mendorong mereka untuk meningkatkan perbelanjaan untuk pengangkutan dengan ketara. Keanjalan untuk isirumah M40 di bandar bagi pengangkutan adalah lebih rendah berbanding di luar bandar kerana wujudnya pelbagai jenis pengangkutan awam yang efisien seperti LRT dan MRT yang membolehkan isirumah untuk bergerak dengan efisien tanpa perlu meningkatkan perbelanjaan mereka.

Seperti yang dibincangkan Rajah 4, isirumah M40 berbelanja paling banyak untuk perumahan, maka adalah perkara yang dapat dijangka keanjalan perbelanjaan untuk perumahan adalah paling tinggi. Hasil ini selari dengan dapatan kajian daripada Malaysian Institute of Economic Research (MIER), yang mana kajian daripada Dr Zulkipli Omar (2018) mendapati keanjalan perbelanjaan terhadap peningkatan pendapatan bagi perumahan telah meningkat daripada 0.64 (1999-2009) kepada 1.21 (2009-2016), yang mencadangkan perbelanjaan untuk perumahan kini adalah antara perbelanjaan yang sensitif terhadap peningkatan pendapatan berbanding dahulu. Selain itu, kumpulan M40 juga adalah kumpulan isirumah yang telah terdedah dengan kepentingan membeli hartanah dan perumahan, menyebabkan peningkatan pendapatan mendorong mereka untuk berbelanja lebih untuk perumahan bagi tujuan pelaburan. Berdasarkan laporan kos sara hidup daripada UKM Pakarunding (2016), harga perumahan kebanyakannya adalah lebih tinggi di kawasan bandar berbanding luar bandar, dan ini mendorong keanjalan perbelanjaan isirumah di bandar untuk perumahan lebih tinggi berbanding isirumah di

luar bandar. Tren perumahan oleh pemaju yang semakin banyak bertumpu kepada rumah dengan pelbagai aksesori tambahan juga menjadikan kurangnya barang pengganti yang lebih murah untuk dipilih oleh isirumah, dan akhirnya mereka terpaksa memilih rumah dengan harga yang lebih tinggi kerana ketiadaan atau kekurangan barang pengganti setaraf.

Bagi barangan makanan pula, isirumah M40 di kedua-dua bandar dan luar bandar mempunyai keanjalan yang tinggi. Hal ini adalah disebabkan golongan M40 adalah golongan yang banyak terdedah dengan kepentingan barang makanan yang berkualiti dan sihat. Golongan ini adalah mereka yang sanggup berbelanja lebih untuk mendapatkan makanan yang baik. Isirumah M40 di luar bandar juga mempunyai keanjalan yang lebih tinggi (1.22887) berbanding isirumah M40 di bandar (1.102736). Hal ini disebabkan isirumah M40 di luar bandar tidak mempunyai pilihan yang banyak untuk mendapatkan produk makanan berkualiti disebabkan kurangnya barangan tersebut di luar bandar berbanding di bandar, sekaligus menyebabkan harga barangan tersebut lebih tinggi di luar bandar.

Akhir sekali, untuk golongan T20, keanjalan perbelanjaan secara keseluruhannya adalah normal. Hal ini mencadangkan bahawa golongan isirumah ini tidak meningkatkan perbelanjaan dengan ketara apabila berlakunya peningkatan pendapatan. Golongan T20 telah mempunyai semua barangan asas dan tidak perlu berbelanja lebih untuk memenuhi keperluan harian. Malah, golongan ini juga banyak terdedah dengan kepentingan untuk menyimpan dan melabur pendapatan mereka, dan tidak meletakkan keseluruhan pendapatan untuk perbelanjaan. Taraf kehidupan isirumah golongan ini juga tidak banyak berubah apabila berlakunya peningkatan pendapatan.

Bagi perbelanjaan makanan misalnya, isirumah T20 mempunyai keanjalan perbelanjaan sebanyak 0.448340 (bandar) dan 0.440973 (luar bandar). Hal ini adalah selari dengan hasil dapatan pada Rajah 4, yang mana perbelanjaan isirumah T20 untuk makanan hanyalah sekitar 13.1%, berbanding dengan M40 (20.1%) dan B40 (26.5%). Disebabkan perbelanjaan untuk makanan adalah minimal bagi golongan T20, keanjalannya juga tidak tinggi. Perkara yang sama juga dapat dilihat untuk perbelanjaan pengangkutan, yang mana keanjalannya ialah 0.791738 (luar bandar) dan 0.842709 (bandar). Hal ini kerana kebanyakan isirumah T20 telahpun mempunyai kereta mewah dan perbelanjaan mereka tidak berubah banyak apabila berlakunya peningkatan pendapatan.

Namun, keanjalan bagi perumahan adalah tinggi untuk isirumah T20 di bandar iaitu pada 1.110835. Seperti juga golongan M40, golongan T20 adalah mereka yang terdedah kepada kepentingan untuk membeli perumahan sebagai pelaburan. Hal ini juga selari dengan dapatan Jadual 2, yang mana perbelanjaan untuk perumahan adalah paling banyak, iaitu pada 25.3% daripada keseluruhan perbelanjaan T20.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN POLISI & DASAR

Hasil dapatan kajian ini membawa beberapa cadangan intervensi polisi oleh pihak kerajaan mahupun pihak lain untuk dipertimbangkan. Pertamanya, isirumah B40 mempunyai keanjalan perbelanjaan yang tinggi untuk pengangkutan. Hal ini disebabkan kurangnya barang pengganti yang bersesuaian dengan harga yang berpatutan. Antara polisi yang boleh diperkenalkan untuk membantu golongan ini adalah untuk membolehkan mereka menggunakan pengangkutan awam dengan harga yang berpatutan serta efisien dan optimum dalam penggunaan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan kumpulan isirumah M40 merupakan kumpulan yang paling tinggi nilai keanjalannya. Kedua-dua isirumah bandar dan luar bandar bagi M40 mempunyai keanjalan perbelanjaan melebihi 1.0, yang membawa maksud perbelanjaan mereka meningkat lebih pantas berbanding peningkatan pendapatan. Pihak kerajaan perlu memberi fokus kepada kumpulan isirumah ini dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup. Beberapa kemungkinan yang perlu terus dikaji adalah sama ada keanjalan yang tinggi ini berpunca daripada faktor sikap dalam berbelanja ataupun faktor keadaan sekeliling.

Misalnya, bagi barangan makanan, keanjalan perbelanjaan isirumah M40 adalah anjal (melebihi 1.0) bagi kedua-dua bandar dan luar bandar. Perkara ini menunjukkan wujudnya permintaan yang tinggi untuk barangan makanan yang berkualiti dan berkhasiat. Pihak pengeluar makanan seharusnya mengambil peluang ini untuk memperbanyakkan lagi produk makanan yang berkualiti untuk digunakan isirumah. Malah, keanjalan yang tinggi di luar bandar mencadangkan bahawa kurangnya pemasaran dan penawaran barangan seperti ini di luar bandar, dan menunjukkan peluang perniagaan yang baik. Dengan bertambahnya penawaran barangan makanan berkualiti, pihak pengeluar dapat menikmati skala ekonomi dan penurunan kos, seterusnya dapat menawarkan barangan ini pada harga yang murah tanpa kompromi dari segi kualiti.

Keanjalan perbelanjaan isirumah M40 dan T20 untuk perumahan juga menunjukkan nilai koefisien yang tinggi, mencadangkan perlunya intervensi daripada pihak kerajaan. Inisiatif rumah kos rendah atau mampu milik, dan skim sewa beli adalah antara cadangan yang boleh dipertimbangkan. Melalui langkah ini, harga kediaman di pasaran dapat dikekalkan pada tahap yang mampu dimiliki oleh setiap isirumah tempatan di pasaran. Pihak kerajaan juga boleh menggalakkan kempen membeli rumah mengikut kemampuan dan mengetatkan syarat kelulusan pinjaman perumahan untuk memastikan isirumah kumpulan pendapatan M40 dan T20 membeli perumahan yang bersesuaian dengan pendapatan. Hal ini dapat membantu isirumah untuk menangani masalah kenaikan kos sara hidup.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berhasrat untuk menunjukkan perbezaan keanjalan perbelanjaan mengikut status bandar dan kumpulan pendapatan B40, M40 dan T20. Kajian ini telah menggunakan hasil dapatan penyiasatan pendapatan isirumah dan penyiasatan perbelanjaan isirumah untuk mengenalpasti jenis barangan yang paling banyak dibeli dan digunakan oleh isirumah.

Dengan mengkaji keanjalan perbelanjaan, kajian ini dapat melihat perubahan corak perbelanjaan isirumah, yang merupakan antara faktor tekanan kenaikan kos sara hidup. Kenaikan kos sara hidup dapat ditangani sekiranya faktor corak perbelanjaan yang meningkat dengan mendadak berbanding peningkatan pendapatan dapat dikawal dengan baik.

Kebiasaannya, dalam menangani kos sara hidup, terdapat dua pandangan yang selalu dibincangkan, iaitu pengawalan harga barang, dan juga peningkatan pendapatan isirumah. Namun, kajian ini menerokai satu sudut baru iaitu pengawalan corak berbelanja isirumah dengan melihat keanjalan perbelanjaan isirumah terhadap peningkatan pendapatan. Meskipun isu kos sara hidup adalah satu isu yang telah dikaji sekian lama, namun kajian yang memanfaatkan keanjalan perbelanjaan adalah sangat terhad. Kajian ini juga menggunakan kaedah kerja lapangan dan dapat mengumpul 659 responden daripada seluruh negara. Sekiranya hasil yang lebih tepat ingin diperolehi, saiz sampel kajian perlu diperluaskan.

Dapatan kajian ini mencadangkan satu fokus terhadap isirumah kumpulan pendapatan M40 perlu ditekankan, memandangkan mereka adalah kumpulan isirumah dengan keanjalan pendapatan paling tinggi. Dalam erti kata lain, dengan peningkatan pendapatan, perbelanjaan isirumah M40 akan meningkat dengan lebih pantas berbanding peningkatan pendapatan. Hal ini akan mendorong kepada tekanan dan kesukaran untuk isirumah menangani kenaikan kos sara hidup. Bagi menambahbaik dapatan kajian ini, kajian seterusnya mengkaji dengan lebih terperinci beberapa kemungkinan yang telah dinyatakan, seperti potensi industri makanan berkualiti untuk diperluaskan lagi di Malaysia. Dengan sampel responden yang lebih ramai, hasil kajian dapat memberikan input bagi perbincangan yang lebih tepat.

NOTA

- 1 Peningkatan pendapatan adalah antara objektif utama yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), eRezeki dan eUsahawan.
- 2 Bagi mengkaji perbezaan nilai koefisien regresi model ini terhadap kumpulan pendapatan, model regresi ini telah digunakan sebanyak tiga (3) kali untuk kumpulan B40, M40 dan T20.

- 3 Bagi menyokong hasil dapatan model ini, analisis pertumbuhan tahunan berdasarkan kaedah kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (Compounded Annual Growth Rate, CAGR) turut digunakan.
- 4 Bagi mengkaji perbezaan koefisien model regresi ini terhadap kumpulan pendapatan dan jenis barangan yang berbeza, model regresi ini telah digunakan sebanyak dua belas (12) kali. Empat (4) kali bagi setiap kumpulan pendapatan B40, M40 dan T20 bagi mengkaji jenis perbelanjaan (keseluruhan, makanan, pengangkutan dan perumahan).

RUJUKAN

- Abdullah, Norehan., Ahmad, Siti Aznor & Ayob, Mohamad Amizi. 2016. Labour force participation of rural youth in plantation sector of Northern Peninsular Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 50(2):83–92
- Allegretto, S. A. 2006. Basic family budgets: Working families' income often fail to meet living expenses around the United States. *International Journal of Health Services* 36(3): 443–454
- Asian Development Bank. 2010. Macroeconomic management beyond the crisis. *Asian Development Outlook 2010*, page(s) 209–214
- Asri, Norain Mod., Endut, Wook., Bulis, Salwah., & Azmi, Atikah. 2014. Impak cukai dan caj perkhidmatan terhadap permintaan makanan di restoran. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (1): 99–116.
- Bank Negara Annual Report .2015. Inflation and Cost of Living 64–69.
- Basil M. M. 1920. Have profits kept pace with the cost of living? *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 89(1): 157–162
- Burney, N. A., & Akmal, M. 1991. Food demand in Pakistan: An application of the extended linear expenditure system. *Journal of Agricultural Economics* 42(2): 185–195.
- Bank Negara Malaysia. 2017. Gaji Kehidupan Wajar: Bukan Sekadar Menampung Keperluan Asas' Rencana Laporan Tahunan BNM. Di laman sesawang www.bnm.gov.my.
- Bank Negara Malaysia. 2013. The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups (Working Paper Series: WP2/2013)
- Dixon, P. B., & Lluch, C. 1977. Durable goods in the extended linear expenditure system. *The Review of Economic Studies* 44(2): 381–384.
- Economic Planning Unit Malaysia. 2015. *Malaysia Well-Being Report*. Percetakan National Berhad: Kuala Lumpur.
- Fisher, P.S. & French, L. 2014. *The cost of living in Iowa*. The Iowa Policy Project: Iowa City
- Flanagan, J. & Flanagan, K. 2011. *The Price of Poverty: The Cost of Living for Low Income Earners*. The Social Action and Research Centre Anglicare: Tasmania.
- Hashimoto, K. and Heath, J. A. 1995. Income elasticities of educational expenditure by income class: The case of Japanese households. *Economics of Education Review* 14(1): 63–71.
- Haines, V. A., Godley, J., Hawe, P., & Shiell, A. 2009. Socioeconomic Disadvantage Within A Neighborhood, Perceived Financial Security & Self-Rated Health. *Health & Place* 15(1): 383–9

- Hayes, D., & Finney, A. 2013. *Genworth Index: Measuring Consumer Financial Security and Vulnerability*. The European Credit Research Institute (ECRI).
- Hori, M. & Shimizutani, S. 2012. Do households smooth expenditure over anticipated income changes? Evidence from bonus payments to public employees in Japan. *Journal of the Japanese and International Economies*. Elsevier Inc., 26(3): 405–433.
- Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia, 2014. Jabatan Statistik Malaysia (DOS)
- Saari, Mohd Yusof, 2017. Kos sara hidup dijangka terus meningkat tahun 2017. *Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan, UPM 2017*. Laman sesawang: <http://www.ikdpm.upm.edu.my/artikel>
- Ismail, A.H. 1971. A Study of Total Expenditure Elasticities for West Malaysia. Kinabalu Printing: Kuala Lumpur.
- Ismail, Rahmah., Yusof, Ishak., Awang, Abd & Abidin, Syahida .2010. Analisis Status dan Penentu Daya Saing Pekerja dalam Sektor Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44: 83–91.
- Jacobson, D., Mavrikiou, P. M. & Minas, C. 2010. Household size, income and expenditure on food: The case of Cyprus. *Journal of Socio-Economics*. Elsevier Inc. 39(2): 319–328.
- Jang, S. C. S.; Bai, B.; Hong, G. S.; O’Leary, J. T. 2004. Understanding travel expenditure patterns: A study of Japanese pleasure travelers to the United States by income level. *Tourism Management* 25(3): 331–341.
- Kamaludin, Mahirah., Sandran, Kuna., A. A., Azlina & Radam, Alias. 2017. Kesanggupan Membayar Penambahbaikan Taraf Perkhidmatan Air Di Kuala Terengganu. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51(1): 107–118
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2015. Indeks Harga Rumah Malaysia’. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Di laman sesawang naptic.jpph.gov.my.
- Kementerian Kewangan Malaysia .2017. Perbentangan Bajet 2018’ di laman sesawang www1.treasury.gov.my.
- Kuznets, Simon, 1957. Quantitative Aspects of the Economic Growth of Nations, II, Industrial Distribution of National Product and Labor Force. *Economic Development and Cultural Change*, Supplement, July, 1957
- Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah. 2014. Jabatan Statistik Malaysia (DOS)
- Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 2014. Jabatan Statistik Malaysia (DOS)
- Li, Hongyi & Heng-fu, Z.2002. Inflation, Growth, and Income Distribution: A Cross-Country Study. *Annals of Economics and Finance* 3(1): 85–101.
- Lluch, C., & Williams, R. 1975a. Consumer Demand Systems and Aggregate Consumption in the USA: An Application of the Extended Linear Expenditure System. *Canadian Journal of Economics*: 49-66.
- Lluch, C., & Williams, R. 1975b. Cross Country Demand and Savings Patterns: An Application of the Extended Linear Expenditure System. *The Review of Economics and Statistics*: 320-328.
- Luo, D. & Song, B. 2011. Analysis and prediction for the income elasticity of the consumer demand in Chinese rural areas. *Proceedings of 2011 IEEE International Conference on Grey Systems and Intelligent Services, GSIS’11 - Joint with the 15th WOSC International Congress on Cybernetics and Systems*, 93–96.
- McSweeney, E. F., Barker, S. H. and Carver, T. N. 1912. The cost of living – Discussion. *The American Economic Review* 2(1) Supplement, Papers and Proceedings of the Twenty-Fourth Annual Meeting of the American Economic Association (March 1912): 109–116.
- Mahal, A., Seshu, M., Mane, S., & Lal, S. 2012. Old Age Financial Security In The Informal Sector: Sex Work In India. *Journal of South Asian Development* 7(2): 183–202
- Marie-Estelle Binet . 2013. The Linear Expenditure System and the Demand for Municipal Public Services: The Median Voter Specification Revisited. *Urban Studies* 50(9): 1689–1703.
- M. Fadzli.2017. Cabaran Kewangan Isi Rumah Miskin Bandar Rentetan Peningkatan Kos Sara Hidup. Ringgit (April) , Bank Negara Malaysia & Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia.
- Miron-shatz, T. 2009. Am I Going To Be Happy And Financially Stable? : How American Women Feel When They Think About Financial Security. *Judgement and Decision Making* 4(1):102–112.
- Mok T.Y., C. Gan & A. Sanyal. 2007. *The Determinants of Urban Household Poverty in Malaysia* (Working Paper). Cartenbury: Lincoln University.
- Muller, C. 2002. Prices and living standards: Evidence for Rwanda. *Journal of Development Economics* 68(1): 187–203
- Narayana, N. S. S., & Vani, B. P. (2000). Earnings And Consumption By Indian Rural Laborers: Analysis With An Extended Linear Expenditure System. *Journal of Policy Modeling* 22(2): 255–273.
- Nelson, F. H. 1991. An interstate cost-of-living index. *Educational Evaluation and Policy Analysis* 13(1): 103–111.
- Osman, Zulkifly & Shahiri, Hazrul . 2014. Pekerja Terancam Berdasarkan Piawai Minimum Pemburuan Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48 (1): 13-21
- Omar, Zulkipli, 2018. Spending Pattern Trend Among Malaysians. MIER 23rd Corporate Economic Briefing: 17 April 2018. Di laman sesawang: <https://www.mier.org.my/presentations/>
- Park, J.L., Holcomb, R.B., Raper, K.C., & Capps, O. 1996. A demand system analysis of food Commodities by U.S. Households Segmented by Income. *American Journal of Agricultural Economics* 78(2): 290–300
- Petras, J. & Veltmeyer, H. 2007. The Standard of Living Debate in Development Policy. *Critical Sociology* 33(1): 181–209.
- Raja Ariffin, R.N., Zahari, R.K. & Tumin, M. 2015. Housing And Transport In Malaysia: A Fundamental Combination In Determining Affordably. *AENSI Journal Advances in Environmental Biology* 9(23):156–190.
- Rashid, M. & Ghani, I. 2007. Migrasi Dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur1. *Kertas kerja dibentangkan di PKPPM, Pulau Pinang*.
- Renwick, T.J. 1998. Basic Needs Budgets Revisited: Does The U.S. Consumer Price Index Overestimate The Changes In The Cost Of Living For Low-Income Families?. *Feminist Economics* 4(3): 129–142.
- Romli, L., & Selamat, N. H. 2014. Kemiskinan dari perspektif gender di Lembah Bujang, Kedah. *Malaysian Journal of Youth Studie* 2: 11.
- Schulte, I. & Heindl, P. 2017. Price and Income Elasticities of

- Residential Energy Demand in Germany Price and Income Elasticities of Residential Energy Demand in Germany. *Energy Policy* 102(16): 512–528.
- Sen, E. & Adam, S. 2017. Regional Spotlight: Purchasing Power across the U.S. *Federal Reserve Bank of Philadelphia*
- Shahiri, Hazrul & Osman, Zulkifly .2017. Pulangan Monetari Pekerja Terancam di Malaysia Berdasarkan Teori Upah Hedonik. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51(1): 69–77.
- Siwar, C., & Kasim, M. Y. (1997). Urban development and urban poverty in Malaysia. *International Journal of Social Economics* 24(12): 1524–1535.
- Tan, B.S. 2016. On comparing cost of living of cities using expatriate price survey. *Policy Studies* 37(1): 53–71.
- Thinagaran, Moga & M.Fazli. 2017. The Financial Status and Factors Affecting Personal Well-Being Among Urban Poor in Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 2(1):21–39.
- Tommy, G., Amelie, G., & Fabian, C.2013. Income increases do not compensate for perceived inflation—A price-consumption anomaly. *The Journal of Socio-Economics* 47:11–15.
- UKM Pakarunding. 2016. Kajian Menangani Kos Sara Hidup, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 2010. Rancangan Malaysia ke-10
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 2015. Rancangan Malaysia ke-11, Kertas Strategi 2: 2.9 – 2.11
- Vitor R. Fuchs, 1965. Income Elasticity Of Demand, *The Growing Importance of the Service Industries*, page(s) 8-12, published by NBER.
- Woods, E. B. 1920. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 89(1): 135–147.
- Worldwide Cost of Living Survey 2017, The Economist.com. Laman sesawang: <http://www.eiu.com/topic/worldwide-cost-of-living>
- Yahaya, Nurizan .1991. A profile of the urban poor in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 21 (2): 212–222.
- Zulkarnain A. Hatta & Isahaque Ali. 2013. Poverty Reduction Policies in Malaysia: Trends, Strategies and Challenges. *Asian Culture and History* 5(2): 48–56.

Mohd Aqmin Abdul Wahab
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail : aqmin.w@gmail.com

Hazrul Izuan Shahiri*
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail : hizuan@ukm.edu.my

Mustazar Mansur
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail : mustazar@ukm.edu.my

Mohd Azlan Shah Zaidi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi Selangor
MALAYSIA
E-mail : azlan@ukm.edu.my

*Corresponding author